

**KAJIAN MASALAH GEJALA LEPAK REMAJA DI KAWASAN FELDA  
KAJIAN KES: FELDA ADELA, KOTA TINGGI**

**MOHD FADZIL BIN ABDUL RASHID**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**10 APRIL 2001**

## ABSTRAK

Remaja adalah aset penting negara kerana mereka adalah pelapis kepada generasi hari ini. Generasi ini bertanggungjawab menentukan hala tuju negara. Memetik kata-kata ulama *Prof. Dr Yusuf Qardhawi*: "Jika kita hendak melihat generasi yang bakal terbentuk pada masa depan, lihatlah remaja pada masa sekarang." Dalam konteks luar bandar, tanggungjawab generasi ini adalah lebih mencabar. Mereka merupakan warisan generasi tua untuk meneruskan agenda pembangunan masyarakat untuk generasi masa hadapan. Oleh itu, kajian ini dijalankan ke arah melahirkan remaja yang bertaqwa serta unggul dan bijak menggunakan masa dalam usaha membantu meningkatkan pembangunan masyarakat luar bandar samada dari segi fizikal (ekonomi dan persekitaran) dan spiritual (rohani dan kemanusiaan). Sehubungan dengan itu, walaupun kedapatan banyak masalah sosial remaja yang wujud, kajian ini telah fokus kepada masalah gejala lepak remaja di kawasan Felda. Ini kerana, ia adalah merupakan suatu masalah sosial remaja yang agak serius serta menimbulkan pelbagai implikasi negatif yang mengancam masa depan negara khususnya terhadap pembangunan masyarakat luar bandar. Masalah tersebut juga dianggap sebagai penyebab kepada bentuk masalah sosial remaja yang lain. Melalui kajian ini, terdapat banyak penyebab utama masalah gejala lepak remaja iaitu sikap ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, kecundang dalam pelajaran dan kekurangan program pembangunan remaja. Penyebab-penyebab lain adalah faktor masyarakat sekeliling, pengaruh hiburan, persekitaran fizikal dan akibat dorongan jiwa itu sendiri. Seiring dengan penyebab-penyebab tersebut, maka beberapa cadangan pendekatan yang sesuai dari sudut perancangan pembangunan sosial untuk mengatasi masalah tersebut telah berjaya dikemukakan. Ia termasuklah kursus pembangunan sahsiah institusi keluarga, penerapan nilai-nilai agama kepada anak, kaedah mendidik anak supaya patuh dan taat kepada ibu bapa, program pembangunan insan, program berkaitan pendidikan, kursus kemantapan organisasi dan kepimpinan, pembangunan kemudahan fizikal yang berkaitan, bimbingan kaunseling, program pembimbing rakan sebaya dan tindakan berkesan pihak terbabit. Cadangan pendekatan yang dikemukakan ini lebih menekankan kepada aspek pencegahan dan perkembangan berbanding dengan aspek pemulihan. Ini berdasarkan anggapan bahawa berbagai krisis yang timbul daripada fitrah perkembangan yang melanda kehidupan tahap remaja ini adalah suatu yang sangat sukar dan rumit untuk dikesan apatah lagi untuk diubah. Jadi, tindakan mencegah berlaku gejala yang negatif adalah lebih baik daripada tindakan berbentuk pemulihan.

## ABSTRACT

Adolescents are the country's greatest asset as they form the next generation who will be responsible for the country's future direction. According to *Prof. Dr Yusuf Qardhawi*, "If we want to see the future generation, just take a look at our youths of today." In the rural context, the adolescent's responsibility is more challenging. They are the successor to the older generation in developing the society for the future generation. Therefore, a study was done towards producing pious adolescents who can allocate time to help improve and develop the rural community physically and spiritually. This study focuses on the problem of loitering teenagers in FELDA schemes among the many social problems that exists. This is because that this problem has negative implications for the country especially in the development of rural communities. Loitering is also seen as a source of other social ills among teenagers. From the study, the main causes are the attitude of the parents, peer influence, failure in studies, and the lack of development programmes for them. The other factors include the surrounding community, entertainment influences, the physical environment and lack of self determination. As such, the study has come up with some suitable suggestions based on social development planning to solve the loitering problem. Among them are courses to develop a family institution, inculcating religious values in children, educational and human development programmes, counseling, peer guidance programmes and leadership courses. These approaches emphasizes prevention and development rather than cure. It is based on the assumption that the problems that adolescents face are not only complex but hard to detect what more to solve. Thus, the prevention approach is more effective and practical.